

LANGKAH PERTAMA

PERMOHONAN SIJIL HALAL

PERKARA WAJIB
anda perlu tahu
sebelum memohon
pensijilan halal



E-BOOK BY
MNS MODULAZ MARKETING SDN BHD

Hakcipta © 2022 Humaira Kamaruddin

Diterbitkan oleh: MNS MODULAZ MARKETING SDN BHD

Anda dibenarkan untuk menyebarkan dan berkongsi fail PDF panduan ini dengan sesiapa sahaja TANPA sebarang perubahan dibuat pada file PDF ini.

Panduan ini disusun atur supaya mudah dibaca melalui handphone dan juga laptop.

Jika anda ada sebarang soalan, boleh emelkan kepada:
technical.mnsmodulaz@gmail.com

Jemput follow kami di sosial media untuk lebih banyak konten bermanfaat:

FB:<https://www.facebook.com/mns.modulaz.marketing>

TELEGRAM:<https://t.me/halalldiy>

Siapa saya?

Sebelum saya mulakan perkongsian tentang Pensijilan Halal, saya nak perkenalkan serba sedikit siapa saya dan apa yang saya buat. Yelah nanti tak kenal pula kan.

Saya Cik Humaira, merupakan seorang Halal Expert dalam Pensijilan Halal Hakim. Saya berpengalaman menolong usahawan untuk dapatkan sijil halal dan saya nampak ramai orang lakukan kesalahan bila nak mohon sijil.

Anda yang sedang membaca ebook ni mesti tak nak terbuat kesalahan yang sama.

Mungkin anda tertanya - tanya betul ke saya ni boleh bantu anda?
Jangan risau.

Saya sudah membantu lebih 100 usahawan yang nak dapatkan Pensijilan Halal dengan rate 99.5% permohonan diluluskan. Ya 99.5%. Lagi 0.5% anda akan tahu kalau anda habiskan baca ebook ini.

Kenapa saya buat ebook ini?

Berdasarkan pengalaman saya, hampir 90% usahawan yang saya bantu ada masalah yang sama. Tak tahu nak mula dari mana!

Dah baca macam-macam tapi pening tak tahu yang mana satu dulu patut bertindak.

Matlamat ebook ini adalah untuk bantu anda:

1. Fahamkan proses Pensijilan Halal dan langkah pertama
2. Buang segala mitos merepek dan kefahaman yang salah
3. Jelas dengan 4 langkah penting sebelum memohon Pensijilan Halal
4. Fahamkan bagaimana Halal mampu mengubah landskap perniagaan anda
5. Tahu apa tindakan yang perlu diambil selepas anda membaca ebook ini

Anda dah sedia?

Sebelum teruskan saya ceritakan dahulu perkara yang indah tentang sijil Halal, saya nak hapuskan mitos dan sisi gelap yang selalu dicanangkan oleh orang.

Halal ini mahal.

Jakim cekik duit.

Susah nak apply sebab peraturan ketat.

Ini semua agenda illuminati.

Dah la orang yang sembang pasal sijil halal tak bekerja pun dalam bidang permohonan sijil halal. Tapi sibuk nak nasihat cakap halal ini susah.

Yang lagi saya tak faham ramai gila yang percaya dan ikut bulat - bulat.

Nanti dulu.

Baca sampai habis.

Nak dapat sijil Halal sebenarnya TIDAK SUSAH

Rata-rata mereka yang nak memohon terus cop nak dapat halal ni susah. Bila kami tanya part mana yang susah, masing-masing tak tahu mana yang susah. Main taram je cakap susah.

Kita cakap susah sebab:

- 1) Kita tak tahu proses memohon sijil halal yang betul
- 2) Terlalu ikutkan cakap orang tapi orang tu pun tiada pengalaman mohon sijil halal
- 3) Sibuk nak cari kenapa orang gagal dapat sijil halal tapi tak bersungguh-sungguh tengok macam mana orang berjaya dapat sijil halal
- 4) Merujuk pada orang yang salah


Jika anda ada peluang untuk rujuk pada pakar dan orang yang berpengalaman, agak-agak anda boleh lepas tak nak mohon sijil halal untuk bisnes anda? Mestilah boleh. Anda belajar daripada sumber yang betul. Awal - awal tu mungkin stress sebab banyak benda nak kena hadamkan. Namun tu lah proses belajar.

Semua perkara ada proses dan tertib.

Jika anda jenis orang yang tak sabar dan nak result yang cepat, saya sarankan anda berhenti baca ebook ni. Ebook ini bukan nak bagi janji palsu dapat result cepat. Tapi kalau anda bersedia untuk betul - betul buat, proses akan makin mudah.

Timeline permohonan sijil Halal yang anda wajib tahu

HALAL CERTIFICATION APPLICATION TIMELINE



Apa yang anda rasa bila tengok timeline ni? Mesti rasa overwhelm kan sebab tak tahu nak mula dari mana. Jangan risau saya akan kongsi kepada anda supaya lepas ni anda tak rasa takut nak apply 😊

Proses akan jadi lebih mudah bila kita tahu fungsi sesuatu benda.

Pensijilan Halal ni sudah dapat pengiktirafan seluruh dunia. Banyak negara di dunia jadikan Sijil Halal Jakim sebagai panduan negara mereka.

Ada 83 certification body luar negara yang mengikuti piawaian JAKIM.

STATISTIK PENGESAHAN PERMOHONAN PERSIJILAN HALAL MALAYSIA MENGIKUT TAHUN
(STATUS SYARIKAT & JENIS INDUSTRI)

TAHUN	BUMI			NON-BUMI			JUMLAH			
	IK	IKS	MULTI	IK	IKS	MULTI	IK	IKS	MULTI	JUMLAH
2007	96	42	41	215	175	286	311	217	327	855
2008	157	73	87	277	251	439	434	324	526	1284
2009	142	61	86	305	249	413	447	310	499	1256
2010	255	105	112	467	326	566	722	431	678	1831
2011	252	73	82	353	268	506	605	341	588	1534
2012	681	239	176	1159	724	1018	1840	963	1194	3997
2013	766	213	154	1074	610	779	1840	823	933	3596
2014	1088	271	218	1645	833	1218	2733	1104	1436	5273
2015	1205	263	225	1605	956	1186	2810	1219	1411	5440
2016	1243	215	302	1761	1035	1355	3004	1250	1657	5911
2017	1506	213	331	2258	1288	1461	3764	1501	1792	7057
2018	1663	251	357	2359	1317	1598	4022	1568	1955	7545
2019	1913	275	374	2917	1591	1774	4830	1866	2148	8844
JUMLAH	10967	2294	2545	16395	9623	12599	27362	11917	15144	54423

IK - Industri Kecil

IKS - Industri Kecil dan Sederhana

MULTI - Multinasional

Berdasarkan jadual di atas, anda boleh lihat peningkatan orang yang nak dapatkan sijil Halal.

Antara sebab kenapa ramai usahawan nak dapatkan sijil Halal adalah:

1. Permintaan produk Halal tinggi
2. Meluaskan bisnes ke pasaran global
3. Manusia mula memilih perkara yang diiktiraf dan ada sijil Halal
4. Indeks dunia meningkat

Cuba anda bayangkan jika anda berada di golongan tersebut.

Produk anda mula dipasarkan ke seluruh dunia. Ramai pengguna lebih mempercayai jenama anda. Kualiti produk anda lebih terjamin. Seronok kan?

Market masih kecil tetapi demand setiap hari semakin meningkat!

Apa nak buat dulu?

Salah satu soalan yang biasa saya dapat daripada usahawan bila mereka nak mohon sijil Halal adalah yang mana satu patut buat dulu.

Bukan peniaga kecil je yang tanya macam ni.

Ada seorang client kami yang buat bisnes ayam Korea, ada lebih 40 outlet di seluruh Malaysia pun tanya soalan yang sama (maaf saya tak boleh beritahu nama client. Privasi client kena jaga).

Jadi saya faham sangat bila anda tak tahu mana satu patut mula.

6 masalah utama yang ramai orang hadapi semasa nak mohon sijil Halal:

1. Tak tahu nak bermula dari mana
2. Banyak google tapi dapat jawapan yang tak tepat
3. Pernah mohon tapi gagal
4. Ingat sijil Halal susah nak lulus
5. Pelanggan mula tanya status halal bisnes
6. Niat dah ada tapi tak tahu nak rujuk mana

Sama tak masalah anda dengan pelanggan kami?

Sama kan?

Tetapi mereka dah berjumpa dengan kami dan kami sudah selesai membantu mereka dah.

Setiap masalah pasti ada jalan untuk selesaikan.

Rahsia yang orang taknak beritahu tentang kelulusan sijil Halal ni:
90% gagal dapatkan sijil Halal bukan sebab produk tetapi disebabkan
kebersihan kedai itu sendiri.

Jangan mulakan permohonan sijil Halal kalau anda tiada 4 PERKARA WAJIB ini

Kalau anda nak mohon sijil halal, anda wajib ada 4 perkara penting ni. Tak ada 4 perkara ni, kemungkinan besar permohonan anda kena reject.

Lupakan sekejap soalan seperti :

- Bahan saya boleh mohon sijil halal ke?
- Kalau saya buat dekat rumah boleh ke?
- Saya nak buat OEM. Macam mana nak apply?

Tak guna tanya kalau tak tahu tujuan dan aturannya.

Jarang la bila kita lapar kita minum air.

Kita cari roti, nasi lemak nak hilangkan kelaparan kita.


Pernah ke kita lapar kita fikir air apa yang sedap nak hilangkan lapar?

Tak ke sia-sia perkara kita buat dan fikirkan?

Saya tak nak anda buang masa dan tenaga pada perkara yang salah.

Duduk baca dengan tenang dulu.

4 perkara wajib yang anda harus ada



Perkara wajib #1: SSM

Memiliki Perakuan Pendaftaran Perniagaan yang masih sah daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Perakuan Pendaftaran Koperasi di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau Dokumen Penubuhan di bawah Akta Parlimen atau Kementerian masing-masing dan lain lain agensi Kerajaan (yang mana berkaitan).

Kenapa perlukan SSM?

Cuba anda bayangkan jika anda tiada IC. Bagaimana kita nak tahu anda adalah warganegara Malaysia?

Sama seperti SSM.

Kami perlu tahu anda jenis perniagaan yang anda lakukan serta berapa yuran Pensijilan Halal yang perlu anda bayar kepada Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

Perkara wajib #2: Premis

Saya dapat banyak soalan.

“Kenapa premis halal tidak boleh dari rumah? Rumah pun PREMIS!”

Anda rasa selamat ke nak uli tepung dekat dapur?

Barang masak bercampur dengan barang jualan.

Belum kira tiba-tiba anak datang mengacau time uli tepung.

Ingat 3 tahun lepas isu aplikasi Foodpanda?

Dalam menu tulis nasi ayam penyet. Halal lagi.

Sekali rider sampai. Rumah yang diduduki oleh 2 pasangan non muslim.

Siap ada anjing peliharaan serta kawasan yang terdedah dengan bahaya.

Sanggup ke kita bagi JAKIM datang rumah kita?

Bagaimana Jakim nak bagi jika anda lakukan segala operasi dari rumah?

Belum cerita rumah bersepeh dan tak selamat lagi.

Kita bukan aniaya diri kita sahaja.

Kita aniaya pelanggan kita yang membeli dengan kita.

Kumpul duit.

Tanamkan dalam diri nak upgrade perniagaan dari rumah ke premis.

Baru ada standard.

Perkara wajib #3: PBT

Memiliki lesen atau kelulusan daripada PBT atau surat pengesahan atau surat sokongan yang masih sah daripada mana-mana agensi Kerajaan.

Senang je nak apply boleh tekan <https://malaysiabiz.gov.my/ms> dan pilih daerah yang anda duduki.

Lesen PBT ibarat lesen memandu yang anda miliki.

Analogi paling mudah:

- Abu ada lesen memandu tetapi melanggar lampu isyarat merah.
- Ali tiada lesen memandu tetapi memandu dengan cermat.

Anda rasa, siapa yang bersalah dan boleh dikenakan tindakan.

SEMESTINYA Ali dan Abu

Secermat mana Ali memandu, pucuk pangkalnya Ali tetap bersalah kerana asas memandu Ali sudah langgar “syarat wajib” memandu.

Lepas ada lesen PBT, boleh la pasang signboard besar-besar!

Perkara wajib #4: 2 Pekerja muslim tempatan

JAKIM mewajibkan ada 2 pekerja muslim tempatan. Ingat ya, muslim tempatan. Tidak kisah berbangsa apa asalkan beragama islam dan warganegara Malaysia.

Untuk pekerja yang seterusnya tu nak ambil pekerja asing pun tiada masalah asalkan mempunyai minima 2 orang pekerja muslim tempatan dan boleh mengawal pekerja asing mengikut piawaian Halal yang telah ditetapkan.

Jika kita ada 2 pekerja muslim tempatan, mereka lebih mengetahui hukum dan halal haram terutama di Malaysia. Mereka lebih faham asas dan pandangan yang telah ditetapkan di dalam undang-undang di negara kita.

Bukan semua benda boleh dapat halal

Betul Jakim dah menyediakan 9 skim Pensijilan Halal.

Tapi anda kena tahu yang tak semua benda Jakim nak bagi halal. Anda kene lihat kesesuaian dari segi produk anda berada di skim yang mana satu.

Saya pernah ditanya soalan,
“Saya ada produk makanan kucing, boleh dapatkan halal tak?”

Terdiam juga saya.
Tak terfikir makanan kucing pun nak dijadikan halal.

Untuk soalan diatas, tidak boleh kerana:

- 1) Tiada keperluan haiwan untuk dapatkan makanan halal
- 2) Tiada skim di bawah makanan haiwan
- 3) Cukup sekadar diktiraf

9 skim Pensijilan Halal yang anda perlu tahu



Skim #1: Produk Makanan / Minuman / Makanan Tambahan

Skim ini fokus kepada pengilang produk makanan, minuman serta makanan tambahan.

Jika produk anda mengandungi gabungan ubat dan makanan contohnya gummy bear bagi mudah tidur, anda wajib mendapatkan surat pengkelasan makanan dari NPRA.

Skim #2: Premis Makanan/Hotel

Kebiasaannya, jika anda mempunyai kedai makan, kita akan minta anda memohon 2 skim.

Produk halal dan premis halal adalah 2 perkara yang berbeza tau.

Sebagai contoh, jika anda perasan hotel halal bukan bermakna bangunan hotel tu yang halal. Tetapi ruang dapur dan makanan yang menyajikan makanan halal.

Anda perasan tak, kebanyakan hotel mempunyai 2 jenis ruang makan dan dapur. Biasa tingkat bawah adalah dapur halal dan tingkat atas mempunyai bar dan minuman keras.

Jangan anda salah masuk pula.

Skim #3: Rumah Penyembelihan

Jika anda mempunyai perniagaan rantaian pembekalan dan bercadang untuk menguruskan rumah penyembelihan ayam, lembu dan sebagainya, ini adalah skim terbaik untuk anda mohon.

Kebanyakan Rumah Penyembelihan di Malaysia akan mengambil Sijil Halal kerana bagi memudahkan eksport dijalankan.

MYDIN antara pengeluar sesiapa vendor yang nak join masuk sebagai supplier ayam WAJIB dapatkan pensijilan halal.

Tak percaya?

Tengok link ni

<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2022/05/26/mydin-presses-jakim-for-more-halal-certified-chicken-suppliers-after-ap-requirement-loosened/8904>

Skim #4: Barang Gunaan

Bahan gunaan biasanya peralatan yang kita gunakan. Anda masih ingat berus cat yang diperbuat daripada bulu khinzir?

Hal ini menyebabkan JAKIM telah mengambil inisiatif untuk menyemak barang gunaan yang digunakan.

Skim #5: Kosmetik dan Dandanan Diri

Isu kosmetik banyak melibatkan unsur bahan kimia yang berbahaya dan daripada sumber tidak Halal.

Contohnya penggunaan bahan collagen, glycerin dan lemak dari unsur yang tidak Halal.

Perbezaan antara kosmetik dan juga farmaseutikal adalah produk kosmetik bernetifikasi dengan NPRA, KKM yang dihasilkan untuk digunakan pada bahagian luaran tubuh badan manusia (kulit, rambut, kuku, bibir, organ genital luaran, gigi dan rongga mulut) bagi tujuan membersihkan, mewangikan, memperbaiki atau merubah penampilan atau mencantikkan, menghilangkan bau badan dan memelihara atau menjaga dalam keadaan yang baik.

Manakala produk farmaseutikal yang berdaftar dengan PBKD, KKM dalam bentuk dos siap termasuk produk ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi untuk kegunaan manusia.

Skim #6: Farmaseutikal

Produk yang boleh didaftarkan di bawah skim farmaseutikal adalah produk farmaseutikal yang berdaftar dengan PBKD, KKM dalam bentuk dos siap termasuk produk ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi untuk kegunaan manusia.

Kalau produk kosmetik di pasaran, dia akan ada nombor produk notifikasi (NOT) manakala untuk produk farmaseutikal ada nombor pendaftaran product (MAL).

Dah selesai 2 ni baru kami boleh tolong.

Skim #7: Logistik

Logistik terbahagi kepada 3 kategori:

- Pengangkutan
- Penggudangan
- Peruncitan

Pentingnya industri ini memiliki pensijilan Halal untuk memastikan keseluruhan rantai produk halal dari pemilihan bahan mentah sehingga lah kepada pembeli tidak tercemar (cross contamination) dengan perkara yang tidak halal.

Untuk pengetahuan anda, sebarang penghantaran sama ada dalam atau luar negara, jika produk kita mempunyai Pensijilan Halal, adalah DILARANG untuk bercampur dengan bahan seperti arak dan khinzir.

Kebanyakan diluar sana terutama di pelabuhan Klang sudah menyediakan logistik bagi produk halal.

Skim #8: OEM

Selain daripada skim yang dinyatakan diatas yang mana menyasarkan kepada pemilik dan pengusaha produk sendiri, skim ini memberi peluang khas bagi mana-mana pengilang yang mengeluarkan produk bagi founder lain.

Nak buat produk tak semestinya kene ada kilang sendiri. Pergi sahaja mana-mana pengilang bertaraf OEM dan mereka akan keluarkan produk atas jenama dan milikan anda. Jika founder ini ingin pensijilan Halal bagi produk mereka, mereka kena keluarkan produk daripada pengilang yang bertaraf Halal OEM.

Jadi, jika anda mengeluarkan produk dari pelanggan anda, pelanggan anda tidak perlu memohon pensijilan halal dan ia merupakan 1 keistimewaan daripada pengilang lain.

Skim #9: Peralatan Medikal

Skim ini baru diperkenalkan sekitar tahun 2021. Namun begitu, permohonan baru sahaja dibuka pada april 2022.

Bukan semua peranti perubatan yang boleh memohon pensijilan Halal. Hanya peranti yang membawa kewujudan keraguan sumber bahan yang tidak halal, yang disenaraikan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal

Malaysia dan mempunyai kelulusan daripada pihak yang berwibawa sahaja yang dibenarkan untuk mohon pensijilan Halal.

Contoh: Produk jenis cecair seperti contact lens, saline solution, produk jenis grafting seperti surgical mesh, coronary stent graft, produk jenis implant seperti stent, heart valve dan produk jenis prosthetic seperti prosthetic leg, prosthetic heart valve.

Haa kan senang dari dah tahu syarat wajib?

Dah tahu sama ada produk anda boleh mohon atau tak?

Cuba cerita part mana yang mengelirukan?

Ingat, baru fasa pertama. Perjalanan kita jauh lagi.

Jika betul dah ready kita masuk teknikal.

5 keperluan umum Persijilan Halal



1) PASTIKAN BAHAN HALAL

Antara kerja yang paling memakan masa semasa mendapatkan pensijilan halal ialah pengumpulan sijil halal bahan mentah. Tambahan lagi pemohon tidak pernah ada senarai bahan mentah yang dipakai yang dicatat dengan baik.

Jika dijumpai bahan-bahan yang tidak halal semasa aktiviti pengauditan, kesalahan ini akan dicatat dalam rekod audit pegawai JAKIM.

Persediaan yang sistematik dan pengetahuan yang betul dari peringkat awal amat diperlukan bagi melancarkan untuk mohon sijil halal JAKIM.

Alangkah mudahnya jika kami dapat berikan senarai bahan yang anda gunakan.

Ya lah dah hampir 10 tahun kami mengendalikan Pensijilan Halal. Pasti kami ada list supplier update dan terkini.

10 tahun punya kumpul boleh bayangkan tak banyak mana?

Nak buat sendiri pun boleh tapi lama sikit la 🤔

(Jika anda berminat, boleh contact kami terus!)

2) PEMROSESAN

Dalam konteks pemprosesan, ramai yang tak tahu tatacara yang betul. Anda wajib mematuhi piawaian atau standard yang telah ditetapkan ikut layout yang telah diberikan oleh JAKIM.

Pentingnya semua rekod yang berkaitan dengan pemprosesan didokumenkan dan disimpan agar jika berlaku isu berkenaan dengan produk yang dihasilkan, kita boleh trace dan cari punca masalah yang berlaku.

Cuba bayangkan jika tak ada langsung rekod berkenaan dengan pemprosesan produk. Orang buat jahat dekat kita pergi letak benda tak halal dalam produk kita pun kita tak boleh nak “fight” sebab tak ada rekod bertulis.

Ambil iktibar dari kes cadbury. Kes ada orang cakap dia ambil produk dari gelatin babi.

Last sekali mereka tunjukkan resit pembelian semasa bagi 3 bulan.

Terdiam orang yang tabur berita tu 😊

Antara rekod penting yang berkaitan adalah rekod pembelian bahan mentah seperti resit, invoice, senarai bahan mentah, rekod pengeluaran produk. Pastikan setiap rekod disemak dan ada pengesahan dari ketua jabatan.

3) BUNGKUS DAN LABEL

Ini isu paling hangat. Bukan semua label halal anda boleh cop halal.

Setiap negara, ada Certificate Body macam persatuan yang bagi halal di negara masing masing. Sebab tu bila kita pergi negara luar, nak dekat 10 cop halal kita jumpa.

Malaysia sahaja yang Cop Halal di bawah kawalan kerajaan.

Setakat ini, ada 83 sahaja yang diiktiraf Jakim (sebelum ni 84 tapi kes daging Australia, terus Jakim batalkan).

Pastikan pelabelan produk mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Panduan pelabelan Boleh rujuk di laman sesawang bahagian keselamatan dan kualiti makanan bagi pelabelan produk makanan dan NPRA (produk kosmetik dan farmaseutikal).

4) KILANG/PREMIS

Kilang dan premis juga harus mengikut piawaian dan susun atur yang Jakim tetapkan. Kalau anda ada atau pernah dapatkan “Templet premis mengikut spec JAKIM”.

Saya sarankan buang sahaja apa yang anda beli.

Nak tahu sebab apa?

Template tu menipu dan membuang masa anda jika anda ikut.

100% gagal. Percaya lah.

Kami sebagai perunding akan menasihatkan mengikut keadaan kedai anda sekarang. Penambahan dan perubahan tertakluk keadaan kedai.

Selagi boleh jimat, kami bagi semua ‘trick’ mengikut piawaian JAKIM.

Nak contoh? Kat bawah ni saya listkan beberapa piawaian wajib ikut:

1. Semua lampu di kawasan kilang WAJIB ditutup dengan penutup lampu. Sebabnya, jika lampu meletup dan pecah, tak terkena makanan yang sedang kita buat.
2. Segala makanan DILARANG untuk diletakan di atas lantai. Minimum tinggikan 15 inch dari lantai. Cukup letak pallet.
3. Makanan perlu disimpan atau disusun supaya terdapat ruang sekurang-kurangnya 15 sentimeter di antara dinding tempat penyimpanan dengan makanan yang disimpan.

Ada yang saya dengar konsultan sampai suruh pasang almari dinding la, pecah lantai la,tandas kene renovate, tak boleh pakai lantai marmar. MEREPEK semua tu.

5) PEKERJA DAN REKOD HALAL

Segala rekod dan dokumen halal wajib diletakan di pejabat.

Tujuan utama perlu ada rekod adalah nak memudahkan pihak JAKIM mengadakan lawatan ke premis bagi tujuan penyeliaan.

2 salinan wajib dibuat iaitu:

- 1) Salinan rekod untuk proses permohonan dan pengauditan Bahagian Halal Jabatan Agama Islam Negeri
- 2) Salinan rekod simpanan syarikat

SKIM MANA YANG MUDAH & SENANG LULUS?

Setakat ini, kami boleh konklusikan 1 SKIM yang paling senang nak lulus.

- .
- .
- .
- .
- .

TIADA.

Punca gagal TIDAK terletak pada:

- Skim yang anda daftar
- Produk senang lulus
- Kilang besar atau kecil

90% gagal disebabkan anda tidak mengikut piawaian JAKIM dari sudut

- 1) Kebersihan kedai
- 2) Susunan Kedai
- 3) Langgar Pre-Audit dan checklist yang telah kami berikan

Mesti anda tertanya-tanya apa spesifikasi JAKIM kan?

Saya tak boleh ceritakan semua disini sebab kami perlu melakukan pre-assessment kepada bisnes anda. Lepas tu baru boleh saya nasihatkan anda apa yang perlu ubah dan kekalkan.

Sama macam sakit.

Tak pernah saya pergi klinik doktor terus bagi ubat 🙅

Doktor tanya sakit apa?

Berapa lama sakit?

Sakit dekat mana?

Ada alergik ubat atau tak?

Kalau doktor terus bagi ubat, tu bomoh bukan doktor.

Tapi saya boleh share punca apa orang gagal.

Nak tahu?

MANA 0.05% YANG GAGAL TU?

“Ada client yang pernah gagal tak?”

Mestilah ada yang pernah gagal untuk dapatkan sijil Halal. Namun yang gagal cumalah seorang je. Tu pun masa tahun 2017.

Sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur.

Nak tahu punca gagal?

1. Tong sampah tak tutup
2. Tak tulis lengkap menu mengikut my-ehalal

JAKIM tak kejam terus gagalkan permohonan sijil Halal.

Mereka akan keluarkan 1 Non compliance report(NCR).

Non compliance report(NCR) ni ‘report card’ kenapa gagal dan kena betulkan dalam masa 2 minggu. Boleh mohon nak extend tapi tidak boleh lebih 2 bulan.

Jakim datang buat kali ke 2 tapi client masih tak selesaikan masalah yang sama. Tambah ubah kedudukan pula tak ikut check-list kami bagi 😡

Dah bagitahu masa Pre-Audit yang kami jalankan tapi degil juga.

Peringatan penting:

- Jangan ubah apa-apa menu.
- Jangan ubah apa-apa kedudukan.
- Jangan memandai-mandai tambah apa-apa kelengkapan.

Chef berlagak pandai dia ingat semua nak kena dengar cakap dia.

Nak tahu apa jadi?

Permohonan **terus ditolak serta merta.**

Segala permohonan yang dibuat di my-ehalal dibuang dari sistem.

Bayangkan kena key-in setiap bahan mentah.

Kalau ada 1000 menu, semua bahan mentah WAJIB kena hantar.

Berapa lama kami bantu untuk key-in data semua menu? Lama tau.

Jadi saya berikan ruang untuk anda berfikir.

Siapa yang salah?

- Jakim terlampau tegas dalam memberikan pensijilan Halal
- Anda sendiri yang memandai-mandai buat peraturan sendiri?

Sebab itu sepanjang kami bantu client kami, kami akan:

1. 2 kali Pre audit (ikut macam JAKIM lakukan)
2. Semak segala senarai seperti dalam rekod
3. Pastikan anda patuh dengan segala arahan yang kami beri

Jadi adakah anda betul-betul bersedia?

Ia melibatkan masa dan tenaga anda untuk terima perubahan. Anda buat dan follow cara yang betul, insyaAllah proses lulus sijil Halal akan jadi makin senang.

Extra BONUS untuk anda

Saya himpulkan beberapa persoalan yang selalu saya dapat daripada client saya sendiri.

Soalan	Jawapan
Habis semua menu kena tunjuk bahan? Macam mana special sos kami?	Wajib isytihar semua bahan mentah yang digunakan. Wajib lampirkan aliran proses pembuatan produk bagi memastikan bahan mentah yang digunakan adalah Halal dan selamat serta aktiviti pemprosesan mengikut piawaian yang ditetapkan
Betul ke kena renovate bila tak ikut spec?	Ya jika permis tidak memenuhi keperluan pensijilan Halal. Itu pentingnya kami melakukan Pra analisa sebelum memulakan proses permohonan untuk memastikan pemohon memenuhi keperluan standard
Sebelah ada kedai arak boleh ke dapat sijil halal?	Boleh. Dengan syarat mekanisma Halal perlu dijaga dengan ketat supaya tak berlaku cross contamination. Jika tak yakin, cari premis lain yang jauh dari kawasan tidak halal dan kawan industri berat
If 1 bahan tak ada sijil halal boleh kompromi tak?	Tidak boleh. Jika bahan mentah melibatkan unsur Haiwan, wajib ada sijil Halal. Selain dari itu, perlu lampirkan dokumen sokongan (komposisi bahan, carta alir, sumber bahan). Sebaiknya cari yang ada sijil halal diiktiraf oleh jakim
Apa terjadi jika 1 bahan kita tak dapat sijil halal? Siapa yang bersalah?	Tiada sesiapa yang salah. Sijil Halal bersifat sukarela. Sebagai pemilik, bila dah kenalpasti bahan tersebut tidak halal atau tidak mempunyai dokumen pengesahan halal atau tidak mempunyai apa-apa dokumen sokongan. Mesti tukar ke bahan yang mempunyai sijil halal

<p>Kenapa JAKIM tak boleh bimbing dapatkan halal?</p>	<p>Jawapan: JAKIM adalah badan pensijilan Halal yang berkuasa mengeluarkan pensijilan Halal. JAKIM hanya bimbing dengan kadar minima, selebihnya pemohon perlu memahami, menguasai dan memohon pensijilan Halal sendiri bagi mengelakkan "conflict issue". JAKIM juga telah melantik organisasi dan institusi di bawah pengawasan mereka untuk membimbing pemohon dengan intensif dan mengikut piawaian yang ditetapkan</p>
<p>Kene renew sijil halal tiap tahun ke?</p>	<p>Jawapan: sijil Halal perlu diperbaharui mengikut tempoh yang ditetapkan bergantung pada skim yang dimohon. Rujuk MPPHM untuk tempoh sah pensijilan</p>
<p>Jika gagal, boleh repeat balik ke?</p>	<p>Jawapan: kegagalan boleh berlaku di beberapa peringkat. Jika gagal semasa peringkat permohonan, ya masih boleh mohon namun ada limit. Jika gagal dalam tempoh sah pensijilan, ya atas budi bicara dan tahap kepuasan JAKIM terhadap tindakan pembetulan yang telah dibuat.</p>

Jadi apa tindakan seterusnya?

Tahniah anda dah sampai ke penghujung ebook ini. Anda mungkin dah bersedia nak mohon sijil Halal tapi tertanya - tanya apa tindakan seterusnya. Kan?

Ini guideline yang saya boleh kongsi:

- Semak 4 perkara wajib sebelum memohon sijil Halal (jangan mohon selagi 4 perkara ni tak selesai)
- Persiapkan diri anda untuk buat kerja - kerja dokumentasi. Mungkin renyah dan ambil masa kalau anda nak buat sendiri (kalau anda nak kami tolong, boleh emel kami tau 😊)
- Pastikan anda dapat rujukan dari Pembimbing yang sah serta berdaftar bersama Jakim atau dikenali sebagai Malaysia International Halal Associate
- Berhenti rasa sijil halal susah, takut nak dapatkan sebab sekarang anda dah tahu bahawa ia mudah

Kepala dah ringan selepas dapat pencerahan?

Saya harap dengan perkongsian ni anda dah nampak jalan macam mana nak mohon sijil Halal dan menjawab keraguan dalam kepala anda.

Jika anda ada soalan nak tanya, boleh emailkan soalan anda kepada info.mns@gmail.com

Jangan risau email anda akan kami baca dan reply.

Jemput follow kami di:

- FB: <https://www.facebook.com/mns.modulaz.marketing>
- TELEGRAM: <https://t.me/halaldiy>
- Website: <https://www.halal-solution.com/>

Jika anda ingin mendaftar kursus “Bagaimana ingin mendapatkan Pensijilan Halal JAKIM? Jemput klik <https://htgh.halal-solution.com/>